

**GARISPANDUAN
PROGRAMME & PERFORMANCE BUDGETING (PPB)**

Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam

Bil.	Kandungan	Mukasurat
A.	Programme and Performance Budgeting (PPB)	
	Pendahuluan.....	3
	Faedah	3
B.1	Struktur Penyediaan Peruntukan di bawah PPB	
	Pengenalan.....	4
	Program	5
	Objektif Program.....	6
	Aktiviti.....	7
	Struktur Program dan Aktiviti	8
B.2	Penyediaan <i>Costing</i>	
	Pengenalan	9
	Tradisional (Input-based Budgeting) vs Programme and Performance Budgeting	9
	Prosedur dan Kaedah.....	10
	Penyediaan dan Permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017.....	11
	Peruntukan <i>Baselines</i>	12
	<i>New Spending Proposals</i> Tahun Kewangan 2016/2017.....	13
B.3	Penyediaan Gaji Kakitangan [Personnel Emolument (PE)]	
	Pengenalan.....	15
	Format Baru Jadual Gaji Kakitangan.....	15
	Fungsi Jawatan (<i>Functional Group</i>).....	15
	Objektif Jadual Fungsi Jawatan	17
	Waran Perjawatan.....	18
	Format Gaji Kakitangan	18
B.4	Maklumat prestasi atau Key Performance Indicators (KPIs)	
	Pengenalan	19
	Kerangka Prestasi (<i>Performance Frameworks</i>)	19
	Mengukur Kecekapan-Petunjuk <i>Output</i> /Perkhidmatan kepada pengguna.....	19
	Mengukur Keberkesanan-Petunjuk <i>Outcome</i>	20
	Jumlah Petunjuk	21
	Kualiti Petunjuk.....	21
	Contoh Petunjuk Prestasi.....	21
	Pengumpulan data KPIs.....	22
B.5	PENSTRUKTURAN SEMULA PERATURAN DAN PROSEDUR PENGAWALAN PERUNTUKAN	
	Pengenalan.....	24
	Akauntabiliti dan Autoriti <i>Stakeholders</i>	24
	Peraturan Pengawalan Peruntukan.....	25
B.6	BORANG-BORANG RANG PERMOHONAN ANGGARAN PERUNTUKAN	
	Senarai borang-borang.....	27
	Dokumen-Dokumen penyokong.....	27

B.7 LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1 : Penyediaan Program dan Objektif
- LAMPIRAN 2 : Penyediaan Aktiviti Dalam Program
- LAMPIRAN 3 : Kerangka Prestasi (*Performance Framework*)
- LAMPIRAN 4 : Penerangan Ringkas Misi, Visi dan Program serta Pencapaian Kementerian dan Jabatan bagi Tahun Kewangan sebelumnya
- LAMPIRAN 5 : Perbelanjaan Mengikut Klasifikasi Ekonomi
- LAMPIRAN 6 : Borang Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017
- LAMPIRAN 6a : Borang Perkiraan Perbelanjaan Gaji Kakitangan Tahun Kewangan 2016/2017
- LAMPIRAN 6b : Borang Perkiraan Perbelanjaan Berulang-Ulang Tahun Kewangan 2016/2017
- LAMPIRAN 6c : Borang Perkiraan Perbelanjaan Berulang-Ulang (Open Vote) Tahun Kewangan 2016/2017
- LAMPIRAN 6d : Borang Perkiraan Perbelanjaan Berulang-Ulang (Gaji Hari) Tahun Kewangan 2016/2017
- LAMPIRAN 7 : Ringkasan Permohonan Anggaran Perbelanjaan
- LAMPIRAN 8 : Format Gaji Kakitangan Baru
- LAMPIRAN 8a : Waran Perjawatan bagi tambahan jawatan baru
- LAMPIRAN 8b : Waran Perjawatan bagi tambahan secara *trade-off*
- LAMPIRAN 9 : Jadual Objektif Program dan Maklumat Prestasi
- LAMPIRAN 10 : Ringkasan Peraturan Pindah Peruntukan
- LAMPIRAN 11 : Senarai Jawatan

A. PENDAHULUAN

1. Kementerian Kewangan sedang melaksanakan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan Kerajaan (*Public Finance Management Reform*) bagi meningkatkan efisiensi dan keberkesanan sistem pengurusan kewangan Kerajaan serta perkhidmatan awam. Salah satu usaha penambahbaikan tersebut adalah dengan memperkenalkan kaedah belanjawan Programme and Performance Budgeting (PPB) secara *multi-year* bagi mengambil alih konsep Input Based Budgeting yang digunapakai pada masa ini.
2. Pelaksanaan PPB ini akan membawa kepada perubahan penyediaan belanjawan selaras dengan amalan terbaik (*best practice*) luar negara yang bersesuaian, yang akan memerlukan perubahan terhadap penyediaan Jadual Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Khas dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan. Kerajaan mensasarkan untuk menggantikan secara rasmi sistem tradisional belanjawan di Negara Brunei Darussalam dengan kaedah PPB baru berkuatkuasa mulai 1 April 2016.

Faedah

3. Antara faedah menggunakan kaedah PPB adalah seperti berikut:
 - Menggalakkan perancangan kewangan serta pengagihan peruntukan yang lebih efisien dan berkesan dalam melaksanakan dasar dan perkhidmatan yang diberikan;
 - Meningkatkan akauntabiliti dan disiplin kewangan Pegawai Pengawal khususnya, serta meningkatkan kecekapan Kementerian dan Jabatan dalam pengurusan kewangan Kerajaan dalam mencapai sasaran dan matlamat dasar;
 - Meningkatkan fleksibiliti dan *financial autonomy* kepada Pegawai Pengawal dalam pengurusan program masing-masing serta pengagihan peruntukan mengikut keutamaan;
 - Penumpuan kepada prestasi dan penyediaan Anggaran Perbelanjaan secara *multi-year* membolehkan Kerajaan untuk mewujudkan perspektif jangka masa sederhana, yang secara langsung akan dapat membantu Kementerian dan Jabatan dalam merancang keperluan perbelanjaan berdasarkan program dan aktiviti masing-masing dengan lebih konsisten, berkesan dan produktif;
 - Membantu Kementerian Kewangan khususnya mengenai hala tuju yang hendak dicapai dan kesepaduan aktiviti perbelanjaan Kerajaan. Belanjawan akan difokuskan kepada keperluan dan keberkesanan belanjawan sesebuah Kementerian atau Jabatan dengan menyelaraskan keputusan ke atas pengagihan sumber (*streamlining resource allocation decisions*);
 - Mempengaruhi perbincangan dalam perangkaan dan penyerapan dasar, strategi dan keutamaan Perbelanjaan Negara, dengan tumpuan diberikan terhadap hal ehwal sosio-ekonomi serta dasar dan objektif Kementerian dan Jabatan; dan
 - Membantu Kementerian Kewangan menguruskan kedudukan fiskal Negara serta mengurus risiko dengan lebih baik secara strategik.

B.1 STRUKTUR PENYEDIAAN PERUNTUKAN DI BAWAH PPB

Pengenalan

4. Rangka penyediaan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan secara PPB adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - 4.1 Belanjawan menurut Program dan Aktiviti;
 - 4.2 Penyediaan belanjawan bagi tempoh jangka masa sederhana iaitu 3 tahun ke hadapan (*multi-year*); dan
 - 4.3 Diiringi dengan maklumat prestasi atau *Key Performance Indicators (KPIs)* bagi mengukur *final output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *outcome* bagi setiap Program.
5. PPB melibatkan penggunaan dasar/*functional-based Programmes* sebagai asas dalam pembahagian peruntukan, pengurusan dan laporan Belanjawan. Dalam erti kata lain, peruntukan bagi setiap Kementerian dan Jabatan akan dipecahkan mengikut fungsi atau objektif masing-masing dan dikawal oleh Pegawai Pengawal (*Vote Controller*).
6. Peruntukan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawah pendekatan PPB akan disediakan dan diluluskan menggunakan 2 struktur peruntukan (*budgeting structure*) iaitu melalui (i) Program; dan (ii) Aktiviti.
7. Rajah di bawah menunjukkan aliran kerja bagi melaksanakan belanjawan mengikut kaedah PPB. Borang-borang seperti di **Lampiran 1 hingga 3** akan membantu Kementerian dan Jabatan untuk membina struktur Program, Objektif, dan Aktiviti di Kementerian dan Jabatan masing-masing.



Program

8. Program adalah fungsi-fungsi utama (*core functions*) Kementerian/Jabatan untuk mencapai visi dan matlamat strategik Kementerian/Jabatan. Program terdiri daripada beberapa Aktiviti yang akan disediakan peruntukannya di bawah Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Khas. Setiap Program dijangka mempunyai tempoh jangka masa yang panjang iaitu sekurang-kurangnya 5 tahun dan perbelanjaan semua Program merangkumi keseluruhan perbelanjaan Kementerian/Jabatan.
9. Sebagai pengenalan kepada penyediaan Anggaran Perbelanjaan secara PPB seperti di **Lampiran 4**, setiap program perlulah disertakan dengan keterangan Visi dan Misi; serta penerangan ringkas strategi pengurusan perbelanjaan sebagai pengenalan kepada permohonan anggaran perbelanjaan berdasarkan Program. Ringkasan strategi tersebut perlu menghuraikan cadangan langkah-langkah dalam penggunaan peruntukan bagi mencapai matlamat utama setiap Program dan juga kaitannya kepada objektif pembangunan sosio-ekonomi sektor berkenaan. Di samping itu, Kementerian dan Jabatan juga perlu menghadapkan ringkasan pencapaian Kementerian atau Jabatan berkenaan bagi Tahun Kewangan sebelumnya.
10. Program-Program di bawah Kementerian/Jabatan tidak semestinya diwujudkan berpandukan kepada struktur organisasi Kementerian/Jabatan. Namun, jika ianya difikirkan bersesuaian untuk menjadikan satu jabatan atau bahagian menjadi satu Program, maka fungsi jabatan/bahagian berkenaan bolehlah dijadikan sebagai satu Program.
11. Program yang dikenalpasti perlulah mempunyai *deliverables*/Aktiviti yang akan mendokong atau menyumbang kepada pencapaian strategik Kementerian/Jabatan.
12. Setiap Program yang dikenalpasti juga perlu mempunyai KPIs yang akan digunakan sebagai sukat-sukat untuk menilai keberkesanan Program tersebut dan pencapaian sasaran misi dan visi Kementerian/Jabatan. Pemilihan KPIs hendaklah sebaik-baiknya berasaskan kombinasi *Output* akhir (*final output*) dan Hasil (*National Outcome*) KPIs. Sila rujuk seksyen B.4 bagi keterangan lanjut mengenai KPIs.
13. Kementerian dan Jabatan dibolehkan untuk menambah atau mengurangkan sesuatu Program tertakluk kepada *Policy Function* Kementerian atau Jabatan berkenaan bagi membolehkan Kementerian atau Jabatan tersebut fokus kepada sasaran *policy function* berkenaan. Dalam pada itu juga, Program-Program yang mempunyai peruntukan yang difikirkan tidak signifikan adalah dibolehkan untuk dicantum dari masa ke semasa bagi mencapai keberkesanan operasi.

14. Antara perkara-perkara yang membolehkan Kementerian/Jabatan untuk menambah Program-Program baru adalah seperti berikut:
 - 14.1 Pengenalan dasar-dasar atau garis panduan baru/dikemaskini;
 - 14.2 Peruntukan Program yang dikenalpasti terlalu besar yang mana merumitkan pengurusan peruntukan Kementerian/Jabatan tersebut; dan
 - 14.3 Peruntukan Program-Program yang terlalu terhad dan sesuai untuk disatukan dalam mencapai misi dan visi Kementerian/Jabatan.
15. Jumlah Program di setiap Kementerian/Jabatan adalah tertakluk kepada jumlah dan fungsi setiap Kementerian/Jabatan. Lazimnya, bilangan Program bagi setiap Kementerian dan Jabatan adalah tidak melebihi 8 Program dan tertakluk kepada saiz dan *complexity* dasar Kementerian dan Jabatan.
16. Perbincangan di Mesyuarat Belanjawan Negara semasa membincangkan belanjawan tahunan Kementerian dan Jabatan akan menumpukan kepada jumlah peruntukan yang diagihkan ke setiap Program di bawah sesebuah Kementerian atau Jabatan.
17. Contoh Program bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah seperti berikut:

SH01A - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

01. Dasar, Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia
02. Inovasi Industri Halal
03. Pemeliharaan & Perlindungan Hidupan Liar
04. Pembangunan Keusahawanan
05. Perhutanan

Objektif Program

18. Setiap Program akan disertakan dengan penerangan objektif program masing-masing. Kementerian/Jabatan dikehendaki menyenaraikan maksima 3 objektif dengan keterangan yang ringkas, padat dan strategik, yang dapat mendokong serta menerangkan kewujudan sesebuah Program berkenaan.
19. Objektif Program akan menjadi Kerangka Prestasi (*performance framework*) Kementerian/Jabatan berkenaan. Dengan demikian, objektif perlulah didokong dengan KPIs yang boleh menunjukkan peningkatan pencapaian objektif yang dihasratkan.

20. Contoh objektif bagi Program Perhutanan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah seperti berikut:

Program 004: Perhutanan

Objektif:

1. Memastikan pengurusan, mempromosi dan menyediakan kualiti kemudahan yang baik terhadap Taman Negara dan Hutan Rekreasi kepada orang ramai.
2. Melaksanakan dan Penguatkuasa Peraturan dan Undang-Undang yang berkaitan dengan Aktiviti pembalakan dan pengawalseliaan hutan.
3. Memastikan sekurang-kurangnya 200 hektar hutan boleh ditanam setiap tahun bagi projek pengekalan hutan.

Aktiviti


21. Aktiviti adalah terdiri daripada semua operasi kerja/tugas/tanggungjawab yang membentuk/mendokong sesebuah Program yang perlu dilaksanakan untuk menghasilkan *output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *outcome* Kementerian/Jabatan.
22. Aktiviti-Aktiviti yang disenaraikan dalam mendokong Program yang dikenalpasti boleh diubahsuai tertakluk kepada peruntukan yang disediakan dan kesesuaiannya setiap Tahun Kewangan. Jumlah Aktiviti boleh ditambah atau dikurangkan tertakluk kepada dasar-dasar atau garis panduan yang berkuatkuasa di Kementerian/Jabatan tersebut. Bilangan Aktiviti dalam sesebuah Program disarankan tidak melebihi 8 Aktiviti.
23. Aktiviti yang dikenalpasti akan mempunyai peruntukan yang dikenalpasti termasuk peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berkenaan.
24. Contoh Aktiviti bagi Program Perhutanan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah seperti berikut:

Program 04: Perhutanan

Pengurusan Taman Negara dan Hutan Simpan Pembangunan Industri Hiliran Kayu Silvikultur dan Nurseri Hutan Museum Perhutanan

Struktur Program dan Aktiviti

25. Contoh struktur Program dan Aktiviti di bawah setiap satu Business Unit adalah seperti berikut:



B.2 PENYEDIAAN *COSTING*

Pengenalan

26. Setiap Kementerian dan Jabatan perlu memperuntukkan anggaran perbelanjaan (*costing*) kepada Program dan Aktiviti masing-masing bagi Tahun Kewangan 2015/2016 sebagai permulaan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Ini adalah untuk membantu Kementerian atau Jabatan dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017.
27. Dalam menyediakan *costing*, perkara-perkara berikut perlulah diambil perhatian:
 - 27.1 Jumlah peruntukan keseluruhan Program hendaklah bersamaan dengan jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 menggunakan *Input-Based Budgeting* bagi setiap Kementerian atau Jabatan; dan
 - 27.2 Penyediaan Anggaran Perbelanjaan hendaklah disediakan dengan seberapa tepat (*accurate*) di bawah setiap Program dan Aktiviti bagi mengelakkan keperluan sebarang perubahan besar dibuat pada masa akan datang.

Tradisional (*Input-based Budgeting*) vs Programme and Performance Budgeting

28. Pada amnya, PPB tidak akan mengubah cara *costing* bagi penyediaan belanjawan di setiap Kementerian dan Jabatan. Ianya juga tidak akan memerlukan sebarang tambahan kakitangan, kemahiran atau *skills* yang baru untuk melaksanakan penyediaan belanjawan secara PPB. Malahan, kaedah belanjawan berdasarkan PPB cuma mengubah cara pendekatan dalam pemikiran untuk membuat anggaran belanjawan masing-masing. Apa yang penting dan perlu adalah bagi Pegawai Pengawal melaksanakan analisa dan merancang dengan teliti peruntukan yang benar-benar diperlukan dan dapat dilaksanakan perbelanjaan secara efisien, berkesan dan produktif ke arah merealisasikan objektif setiap Program.
29. Sepertimana jua yang lazimnya dipraktikkan di dalam penyediaan Anggaran Perbelanjaan mengikut kaedah *Input-Based Budgeting*, peruntukan setiap Kementerian dan Jabatan masih lagi disediakan berasaskan kepada *input* atau kos bagi mana-mana klasifikasi ekonomi (seperti gaji, elaun-elaun, perbelanjaan operasi, dan pemeliharaan aset) yang diperlukan oleh unit atau bahagian di sesebuah Kementerian atau Jabatan.
30. Perbelanjaan Khas pula adalah kategori perbelanjaan khas bersifat jangka pendek (*short-term*), *one-off*, bukan berulang-ulang dan melibatkan perbelanjaan modal (*capital expenditure*) yang bernilai kecil. Perbelanjaan khas ini antarlainnya meliputi projek atau pembelian khas; kerja-kerja kajian; 'capital items' seperti komputer, mesin, peralatan dan kenderaan; dan juga kerja-kerja pengubahsuaian/penambahbaikan aset (yang bukan bersifat *routine*) dan pembinaan infrastruktur baru.

Prosedur dan Kaedah

31. Bagi membantu dalam melaksanakan *costing*, langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:

Langkah 1: Mengesahkan Program dan Aktiviti

Kementerian dan Jabatan hendaklah terlebih dahulu mengesahkan bahawa Program dan Aktiviti yang dihadapkan adalah bertepatan. Ini adalah bagi memastikan perbelanjaan dapat disediakan dengan teratur bagi setiap Aktiviti di bawah Kementerian atau Jabatan.

Bagi Langkah 1, sepertimana jua penerangan awal, Kementerian dan Jabatan diperlukan untuk menyediakan *costing* berdasarkan kepada Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2015/2016 yang telah diluluskan (*Input-based Budgeting*), yang ditukar menjadi belanjawan berdasarkan kaedah PPB.

Langkah 2: Menilai *input* bagi setiap Program dan Aktiviti

Bagi menilai *input* yang diperlukan bagi setiap Program dan Aktiviti, perkara-perkara berikut perlu diambilkira:

- i. Jumlah pegawai dan kakitangan yang menyumbang atau terlibat dalam setiap Program;
- ii. *Input* operasi yang diperlukan oleh setiap Program; dan
- iii. Perbelanjaan Khas berkaitan dengan sesebuah Program.

Input yang diperuntukkan bagi sesuatu Program hendaklah tidak dimasukkan lagi di bawah Program lain seperti penjelasan berikut:

Gaji Kakitangan : Gaji setiap pegawai/kakitangan akan diperuntukkan kepada satu Program dan satu Aktiviti berkenaan sahaja.

Tanggungjawab seseorang pegawai atau kakitangan boleh terkandung di bawah dua atau lebih Program, dan fungsi sesebuah bahagian atau unit boleh terkandung di bawah beberapa Program. Walaubagaimanapun, gaji seseorang pegawai/kakitangan hendaklah diperuntukkan di bawah Aktiviti dan Program berkenaan di mana *majoriti* tugas dan tanggungjawabnya.

Perbelanjaan Berulang-Ulang : Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah membuat anggaran keperluan peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang dengan membuat *best estimate* ke atas keperluan peruntukan di bawah setiap Aktiviti. Pendekatan yang sama dalam memperuntukkan Gaji Kakitangan juga perlu diambil bagi

menentukan *input* di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi setiap Aktiviti di bawah setiap Program.

Perbelanjaan Khas : Setiap projek di bawah Perbelanjaan Khas hendaklah diperuntukkan di bawah satu Program sahaja dan tidak perlu diperuntukkan kepada Aktiviti yang tertentu mengambilkira projek berkenaan lazimnya mendokong kepada sesebuah Program secara menyeluruh. Projek tersebut akan diperuntukkan kepada Program yang paling rapat kaitannya dengan tujuan/faedah projek itu.

Langkah 3: Menilai kos kepada *input* bagi setiap Program dan Aktiviti

Setelah mengenalpasti *input-input* yang diperlukan bagi mencapai objektif setiap Program, langkah seterusnya adalah untuk menganggarkan kos setiap *input* bagi setiap Aktiviti di bawah setiap Program.

Setiap Aktiviti adalah merupakan operasi atau perkhidmatan (atau gabungan operasi atau perkhidmatan) yang dilaksanakan bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sesebuah Program. Setiap Kementerian dan Jabatan adalah dikehendaki untuk menganggarkan perbelanjaan Aktiviti-Aktiviti secara anggaran terbaik (*best estimation*) dengan menganggarkan perbelanjaan secara realistik dan setepat-tepatnya berdasarkan *true cost* Aktiviti. Jumlah kos perbelanjaan tersebut mungkin tidak berubah ataupun akan memerlukan perbelanjaan yang lebih atau kurang daripada Tahun Kewangan sebelumnya. Bagi Perbelanjaan Khas pula, kos projek tersebut akan diperuntukkan kepada satu Program sahaja dan tidak perlu diperuntukkan kepada Aktiviti-Aktiviti tertentu.

Langkah 4: Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Menurut Klasifikasi Ekonomi

Perbelanjaan secara PPB juga akan memerlukan setiap Kementerian/Jabatan untuk menyediakan peruntukan Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Khas menurut klasifikasi ekonomi (*economic classifications*) masing-masing seperti di **Lampiran 5**, sejajar dengan langkah pematuhan sepenuhnya Government Finance Statistic Manual (GFSM) 2001.

Bagi Perbelanjaan khas, setiap projek perlu disenaraikan secara individu mengikut akaun (K) yang telah ditetapkan. Kementerian dan Jabatan tidak perlu memberi butiran peruntukan mengikut Program dan Aktiviti di dalam Jadual 4 PPB ini.

Penyediaan dan Permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017

32. Panduan ini menerangkan langkah-langkah dalam menyediakan dan mengisikan borang permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 secara PPB. **Lampiran 6** adalah contoh pengisian borang Cadangan Anggaran Perbelanjaan secara PPB yang mana borang-borang seperti di **Lampiran 6a, 6b, 6c dan 6d** akan membantu Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan *costing* tersebut.

33. Setiap Kementerian dan Jabatan diperlukan untuk menghadapi keperluan perbelanjaan bagi tempoh tiga tahun dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:
- 33.1 Peruntukan *baselines* iaitu peruntukan bagi meneruskan operasi Kementerian dan Jabatan, menurut dasar yang sedia ada atau 'business as usual'; dan
- 33.2 *New Spending Proposals* iaitu kos untuk membiayai Aktiviti, operasi atau projek baru (dasar baru).
34. Tahun Pertama adalah bagi belanjawan tahun hadapan (Tahun Kewangan 2016/2017) yang akan dibincangkan dan diluluskan, dan akan disertakan dengan "perancangan" dua tahun kewangan berikutnya (Tahun Kewangan 2017/2018 dan 2018/2019).

Peruntukan *Baselines*

35. Peruntukan *baselines* adalah peruntukan bagi meneruskan operasi Kementerian dan Jabatan, menurut dasar yang sedia ada atau 'business as usual'.
36. Kementerian dan Jabatan dikehendaki menyediakan *costing* bagi peruntukan *baselines* (Tahun Kewangan 2015/2016) seperti berikut **[Lampiran 6]**:

36.1 Tahun Kewangan 2015/2016 (Diluluskan)

Kementerian/Jabatan hendaklah menyediakan *costing* kepada Program dan Aktiviti masing-masing dengan mengisi Ruang 'a' hingga 'd' dalam Jadual 2 berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan, mengikut Kategori Perbelanjaan Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Khas.

Bagi Perbelanjaan Khas, setiap nama dan akaun projek hendaklah disenaraikan di bawah ruang selepas kesemua senarai Aktiviti-Aktiviti bagi sesuatu Program. Sepertimana jua keterangan awal di perenggan 31 di atas, Perbelanjaan Khas diperuntukkan di bawah satu Program sahaja dan tidak perlu diperuntukkan kepada Aktiviti-Aktiviti tertentu mengambilkira projek berkenaan lazimnya mendokong kepada sesebuah Program secara menyeluruh.

36.2 Tahun Kewangan 2016/2017 (Tahun Pertama)

Kementerian/Jabatan dikehendaki menyediakan *costing* kepada Program dan Aktiviti berdasarkan had peruntukan yang akan ditetapkan di dalam Surat Keliling Kementerian Kewangan bagi permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 (Ruang 'e' hingga 'i').

Permohonan pengambilan semula bagi projek-projek di bawah Perbelanjaan Khas dikategorikan sebagai peruntukan *baselines* dan disenaraikan di bawah satu Program sahaja sepertimana penerangan di perenggan 36.1 di atas.

Dalam penggunaan konsep *baselines*, contohnya, jika terdapat jangkaan bahawa terdapat beberapa perbelanjaan operasi atau program yang akan berkurangan pada Tahun Kewangan Pertama (2016/2017), maka anggaran perbelanjaan *baselines* bagi perbelanjaan berkenaan perlu dikurangkan. Misalan: penurunan permintaan untuk perkhidmatan mahkamah berikutan penurunan kadar jenayah.

36.3 Tahun Kewangan 2017/2018 dan 2018/2019 (Tahun Kedua dan Ketiga)

Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan Kedua dan Ketiga (Ruang 'j' dan 'k') adalah merupakan unjuran maklumat perbelanjaan yang dirancang oleh setiap Kementerian dan Jabatan dan akan digunakan sebagai panduan dalam menimbangkan dan meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berkenaan. Kementerian/Jabatan juga dikehendaki menyediakan *costing* kepada Program dan Aktiviti bagi Tahun Kedua dan Ketiga berdasarkan had peruntukan yang akan ditetapkan bagi Tahun-Tahun Kewangan berkenaan.

***New Spending Proposals* Tahun Kewangan 2016/2017**

37. *New Spending Proposals* adalah kos tambahan untuk membiayai Aktiviti, operasi atau projek baru bagi Program-Program berkenaan. Ianya termasuk cadangan perbelanjaan baru bagi semua kategori perbelanjaan di bawah Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan juga Perbelanjaan Khas yang mana berkenaan.
38. Langkah yang perlu diambil bagi pengisian di ruang cadangan perbelanjaan baru (*new spending proposals*) dalam **Jadual 2** PPB, jika berkenaan, adalah seperti berikut **[LAMPIRAN 6]**:
 - 38.1 Kos-kos bagi cadangan perbelanjaan baru di bawah kategori perbelanjaan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang hendaklah diisi masing-masing di ruang 'e' dan 'f' dengan menyatakan nama Aktiviti-Aktiviti berkenaan yang terlibat. Keterangan dan penjelasan terperinci bagi cadangan perbelanjaan baru mestilah dilampirkan bersama-sama permohonan tersebut sepertimana lazimnya; dan
 - 38.2 Kos bagi cadangan perbelanjaan baru di bawah kategori Perbelanjaan Khas hendaklah diisi di ruang 'g' di bawah Program yang berkenaan dengan menyatakan nama projek sahaja. Sepertimana lazimnya, Kementerian/Jabatan masih diperlukan untuk menghadapkan senarai projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2016/2017 mengikut keutamaan berserta dengan dokumen-dokumen penyokong.

39. Dalam penggunaan konsep *New Spending Proposals* (dasar baru), jika terdapat dasar baru pada Tahun Kewangan Pertama, Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan Kedua dan Ketiga perlulah diselaraskan mengambilkira perubahan yang terdapat dalam perbelanjaan Tahun Kewangan Pertama tersebut. Ini termasuk keperluan pemeliharaan tambahan, pertukaran kakitangan dan sebagainya antaranya mungkin disebabkan oleh keadaan ekonomi, kesan inflasi atau perubahan demografi.

Contoh:

- i. Peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang di bawah sesuatu Aktiviti dianggarkan meningkat pada Tahun Kewangan Kedua disebabkan Projek Tambahan Bangunan yang dijangka siap pada Tahun Kewangan 2016/2017; dan
 - ii. Pengurangan peruntukan gaji guru-guru agama di dalam Anggaran Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama berikutan pemindahan guru-guru agama ke Kementerian Pendidikan disebabkan oleh perubahan dasar iaitu Pencantuman Pendidikan Ugama ke Sekolah-Sekolah Biasa.
40. Semua Kementerian dan Jabatan juga dikehendaki untuk menghadapkan borang 'Ringkasan Permohonan Anggaran Perbelanjaan' seperti di **Lampiran 7** yang mana antaranya mengandungi maklumat permohonan Anggaran Perbelanjaan mengikut Program serta keterangan projek-projek Kementerian/Jabatan di bawah Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

B.3 PENYEDIAAN GAJI KAKITANGAN [PERSONNEL EMOLUMENT (PE)]

Pengenalan

41. Perubahan format Gaji Kakitangan tidak akan melibatkan perubahan ke atas proses-proses penambahan, pengurangan serta perubahan jawatan melalui Waran Perjawatan.
42. Antara objektif pembaharuan format baru ini adalah:
 - 42.1 Menselaraskan dengan amalan terbaik antarabangsa sebagai asas kepada pengenalan *Programme and Performance Budgeting* dalam melaksanakan transformasi terhadap Sistem Belanjawan yang sedia ada; dan
 - 42.2 Membantu pihak pengurusan dalam memahami Jadual Gaji Kakitangan dengan lebih jelas mengikut Program dan fungsi jawatan (*functional group*) serta peruntukan yang terlibat, di samping membantu dalam membuat keputusan (*decision making*) terhadap *resource allocation*.

Format Baru Jadual Gaji Kakitangan

43. Format baru Jadual Gaji Kakitangan akan menunjukkan bilangan jawatan Kementerian atau Jabatan mengikut fungsi jawatan (*functional group*) di bawah Program masing-masing. Dengan demikian, gelaran-gelaran jawatan dan tanggagaji tidak lagi ditunjukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan di bawah tajuk Gaji Kakitangan.
44. Kementerian/Jabatan dikehendaki mengemukakan dokumen Senarai Jawatan **[LAMPIRAN 11]** dan Senarai Pemegang Jawatan semasa menghadapi Rang Anggaran Perbelanjaan Tahunan mengikut fungsi jawatan di bawah Program masing-masing.

Fungsi Jawatan (*Functional Group*)

45. Fungsi jawatan boleh dikategorikan seperti berikut:
 - 45.1 Fungsi jawatan *standard* untuk digunakan oleh semua Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

Fungsi Jawatan <i>Standard</i>	Definisi
Pengurusan Atasan	Individu yang terlibat antaralainnya dalam merancang, merangka dasar, menstrategi, mengorganisasi, memimpin, serta membuat keputusan dan hala tuju Kementerian/Jabatan/Bahagian/Unit bagi mencapai matlamat dasar Kementerian/Jabatan/Bahagian/Unit.

Fungsi Jawatan <i>Standard</i>	Definisi
	Sebagai contoh: Pegawai di dalam tanggagaji Superscale C ke atas iaitu Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Pengarah dan sebagainya.
Pengurusan Pertengahan	Individu yang menjalankan arahan strategik di peringkat operasi, dan menyelia pekerja bawahan untuk memastikan organisasi berfungsi dengan lancar bagi mencapai matlamat organisasi. Pengurusan Pertengahan juga menerima dan melaksanakan apa jua arahan daripada pegawai atasan. Sebagai contoh: Pegawai di dalam tanggagaji B2 hingga Kumpulan 1 seperti Penolong Pengarah, Pegawai Kewangan Kanan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Pegawai Pentadbir Tingkat I, Pegawai Projek dan sebagainya.
Kakitangan Teknikal	Individu dalam jawatan yang memerlukan kelayakan kemahiran (tetapi bukan sektor-spesifik). Sebagai contoh: Pegawai di dalam tanggagaji Bahagian III seperti Penolong Pentadbir, Penyelia Pejabat, Penolong Pegawai Kewangan, Kerani Sulit dan sebagainya.
Perkeranian dan Lain-lain	Bagi individu dalam tanggagaji Bahagian IV ke bawah sebagai contoh kerani, pemandu, tukang kebun dan sebagainya.

45.2 Fungsi jawatan unik yang hanya relevan kepada beberapa Kementerian/Jabatan sahaja seperti keterangan berikut:

KEMENTERIAN/JABATAN	FUNGSI JAWATAN UNIK
Kementerian Kesihatan	1. Doktor 2. Jururawat 3. Pegawai Farmasi 4. <i>Allied Health Professionals</i>
Kementerian Pendidikan	1. Pengetua 2. Pensyarah 3. Guru

KEMENTERIAN/JABATAN	FUNGSI JAWATAN UNIK
Kementerian Hal Ehwal Ugama	1. Pegawai Masjid (termasuk Imam dan Bilal) 2. Pengetua 3. Pensyarah 4. Guru 5. Merinyu
Kementerian Pembangunan	1. Jurutera 2. Juruukur 3. Arkitek
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	1. Renjer 2. Pakar Makanan dan Ternakan
Polis Diraja Brunei	1. Polis 2. Polis Hutan 3. Polis Bantuan (<i>Auxiliary Police</i>)
Kementerian Pertahanan	1. Tentera Darat 2. Tentera Laut 3. Tentera Udara

46. Dalam pada itu, fungsi jawatan sesebuah Kementerian/Jabatan boleh terdiri daripada kombinasi fungsi jawatan seperti di perenggan 45.1 dan 45.2. Bilangan fungsi jawatan unik di Kementerian/Jabatan pada amnya tidak dihadkan. Walaubagaimanapun, adalah dinasihatkan untuk dihadkan bilangan fungsi jawatan bagi memudahkan pengawalan dan memberikan fleksibiliti dalam pengurusan jawatan-jawatan.

Objektif Jadual Fungsi Jawatan

47. Kementerian Kewangan menyedari kepentingan sumbangan setiap jawatan untuk mencapai matlamat sesebuah Kementerian dan Jabatan. Jadual ini disediakan antaralain mengambilkira perkara-perkara berikut:
- 47.1 *Input-based Budgeting* yang ada pada masa ini hanya menyenaraikan setiap jawatan di sesebuah Kementerian dan Jabatan dan dikategorikan sebagai 'pentadbiran'. Ia menunjukkan maklumat dari segi nama jawatan, gred dan gaji sahaja.
- 47.2 Jadual Fungsi Jawatan ini diharap akan dapat memberikan petunjuk ke atas sumbangan yang diberikan oleh setiap kakitangan kepada objektif/*output* Kementerian atau Jabatan; dan
- 47.3 Perbelanjaan Gaji Kakitangan adalah salah satu komponen utama perbelanjaan Kerajaan. Dengan itu, jadual ini dihasratkan untuk membantu Kementerian dan Jabatan dalam membuat keputusan mengenai tambahan atau pembahagian jawatan untuk mencapai *cost-effectiveness* secara optima, termasuk dengan membuat perbandingan di antara Kementerian atau Jabatan lain.

Waran Perjawatan

48. Borang baru Waran Perjawatan bagi permohonan tambahan jawatan atau tambahan jawatan secara *trade-off* dan penyelarasan gaji masing-masing adalah seperti contoh format di **Lampiran 8a** dan **Lampiran 8b**. Maklumat bilangan jawatan sebelum dan selepas tambahan jawatan baru atau tambahan secara *trade-off* adalah mengikut fungsi jawatan (*functional group*) di bawah Program berkenaan.

Format Gaji Kakitangan

49. Bahagian ini menyediakan panduan dalam penyediaan dan pengisian borang **Jadual 3** bagi permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 secara PPB. Contoh Format Gaji Kakitangan baru adalah seperti di **Lampiran 8**, manakala borang di **Lampiran 6a** iaitu Senarai Pemegang Jawatan (SPJ) yang telah dikategorikan mengikut fungsi jawatan (*functional group*) di bawah Program setiap Kementerian atau Jabatan masing-masing akan membantu Kementerian dan Jabatan untuk mengisi maklumat format Gaji Kakitangan tersebut.

50. Tatacara penyediaan format Gaji Kakitangan adalah seperti berikut:

50.1 Tahun Kewangan 2015/2016 (Diluluskan)

Kementerian/Jabatan hendaklah mengisi bilangan jawatan dan juga *costing* mengikut fungsi jawatan (*functional group*) di bawah Program berkenaan, masing-masing di ruang 'perjawatan' dan ruang 'peruntukan Gaji Kakitangan' Tahun Kewangan 2015/2016 iaitu berdasarkan perjawatan dan peruntukan yang telah diluluskan.

Kementerian/Jabatan juga dikehendaki mengisi jawatan-jawatan kosong menurut fungsi jawatan di bawah Program berkenaan sehingga 30 September 2015.

50.2 Tahun Kewangan 2016/2017 (Tahun Pertama)

Kementerian/Jabatan hendaklah mengisi bilangan jawatan dan juga *costing* mengikut fungsi jawatan (*functional group*) di bawah Program berkenaan, masing-masing di ruang 'perjawatan' dan ruang 'peruntukan Gaji Kakitangan'. Permohonan peruntukan bagi Gaji Kakitangan tersebut hendaklah berdasarkan kepada had peruntukan yang akan ditetapkan di dalam Surat Keliling Kementerian Kewangan bagi Permohonan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan berkenaan.

50.3 Tahun Kewangan 2017/2018 dan 2018/2019 (Tahun Kedua dan Ketiga)

Kementerian juga perlu membuat unjuran jangka sederhana keperluan pegawai dan kakitangan bagi setiap fungsi jawatan Tahun Kedua dan Ketiga termasuk *costing*, dengan menunjukkan khususnya sebarang perubahan yang dicadangkan.

B.4 MAKLUMAT PRESTASI ATAU KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPIs)

Pengenalan

51. Semua Kementerian dan Jabatan adalah diperlukan untuk menyediakan Jadual Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators [KPIs]*) bagi mengukur *output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *outcome* daripada perbelanjaan yang dilaksanakan.
52. Objektif penyediaan Jadual *KPIs* ini antarlainnya:
 - 52.1 Bagi memastikan peruntukan digunakan secara efisien, berkesan, produktif dan *value for money*, dengan menekankan kepada pelaksanaan perbelanjaan mencapai sasaran *final output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *national outcome* yang disasarkan; dan
 - 52.2 Dalam jangka masa panjang, ianya bukan sahaja akan dapat meningkatkan akauntabiliti dan disiplin kewangan Kementerian dan Jabatan dalam pengurusan kewangan Kerajaan dalam mencapai sasaran dan matlamat dasar, malahan juga meningkatkan kecekapan keseluruhan Sektor Awam dalam pentadbiran Kerajaan yang berorientasikan prestasi.

Kerangka Prestasi (*Performance Frameworks*)

53. Komponen 'prestasi' merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan (termasuk sesebuah bahagian dan juga perseorangan) dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing yang berkaitan dengan perancangan dan pengurusan belanjawan.
54. Pemilihan *KPIs* yang boleh dipantau serta dilaporkan dari tahun ke setahun adalah cara terbaik untuk mengukur prestasi. *KPIs* boleh membantu pihak pengurusan ataupun *decision-makers* khususnya di dalam mengenalpasti dasar yang perlu dilaksanakan serta peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan dasar atau Aktiviti.
55. Terdapat beberapa Kementerian yang berpengalaman dalam penggunaan *KPIs* dalam pengurusan strategik Kementerian itu sendiri. Garispanduan ini akan menjelaskan petunjuk (*indicator*) yang diperlukan bagi melapor prestasi dari perbelanjaan yang dilaksanakan.

Mengukur Kecekapan – Petunjuk *Output*/Perkhidmatan kepada pengguna


56. *KPIs* dibahagikan kepada 2 kategori. Kategori pertama iaitu Petunjuk *Output*, mengukur kecekapan operasi. Petunjuk *Output* mestilah *Final Output* (bukannya *Input*, *Process* atau *Intermediate Output*) atau perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna. Contohnya, jumlah sekolah baru dibina, jumlah pelajar yang berpendidikan (bagi setiap guru), jumlah pembedahan dilaksanakan, barangan yang diperoleh (dari segi nilai atau bilangan/jumlah), jumlah kontena-kontena diperiksa oleh pihak Kastam, pembayaran atau pindah peruntukan yang diproses oleh Bahagian Kewangan sesebuah Kementerian, keramaian kakitangan yang dilatih, dan sebagainya. Contoh *Input*,

Process atau *Intermediate Output* yang tidak bersesuaian ialah *length of roads*, jumlah Memorandum Of Understandings ditandatangani dan jumlah skim yang dibenarkan (*approval of scheme by authorities*).

57. Petunjuk *Output* tidak dapat menilai kualiti penyampaian ataupun keberkesanan sesuatu perkhidmatan. Walaubagaimanapun, jika dibandingkan pengukur output dengan kosnya, dari masa ke semasa, ianya dapat menentukan kecekapan samada meningkat atau menurun, samada ianya selaras dengan piawaian antarabangsa, atau samada perkhidmatan berkenaan adalah tidak ekonomikal (oleh itu perlu disediakan melalui cara lain).

Mengukur Keberkesanan – Petunjuk *Outcome*

58. Kategori kedua petunjuk prestasi iaitu Petunjuk *Outcome* bagi mengukur keberkesanan atau *outcome*, impak atau hasil sesuatu Program/Aktiviti. Petunjuk ini memberikan maklumat seperti: samada perkhidmatan yang diberikan menghasilkan kesan sosial, ekonomik dan lain-lain kesan yang dihasratkan. Contohnya, pertumbuhan ekonomi (*economic growth*), pencapaian pendidikan yang lebih tinggi, peningkatan celik huruf (*increased literacy*), pengurangan jumlah kematian atau penyakit, peningkatan jangka hayat, projek siap dilaksanakan, barangan seludup dirampas (*contraband seized*), peningkatan hasil pendapatan yang dikutip, dan sebagainya.
59. Mengambil kira petunjuk *outcome* mengukur perubahan di dalam sesuatu tempoh (*over time*), ianya mungkin mengambil tempoh beberapa tahun untuk mengumpul data/maklumat yang boleh digunapakai. Maklumat atau data yang dikumpul mungkin tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan ketetapan belanjawan (*budget decisions*), walaubagaimanapun, selepas sesuatu tempoh (*over time*), petunjuk tersebut boleh menunjukkan jika sebuah Kementerian berkembang secara positif.
60. Tangga Keberhasilan adalah seperti berikut:



Jumlah Petunjuk

61. Pada umumnya, jumlah *KPIs* tidak dihadkan. Walaubagaimanapun, Kementerian Kewangan pada peringkat ini, memerlukan bagi setiap Jabatan menyediakan **sekurang-kurangnya satu petunjuk *final output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *outcome*** dan **maksima tiga *final output*/perkhidmatan kepada pengguna atau *outcome*** bagi setiap **Program** bermula penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017, dengan penyediaannya mengambilkira prestasi sebenar Tahun Kewangan 2014/2015. *Template* jadual *KPIs* yang perlu disediakan adalah seperti contoh di **Lampiran 9**.

Kualiti Petunjuk

62. Sasaran prestasi yang ditetapkan untuk mengukur *KPIs* hendaklah memenuhi ciri-ciri **SMART**: *specific, measurable, achievable, relevant, time bound*.
- **Specific (Spesifik)** = Jelas dan fokus.
 - **Measurable (boleh diukur)** = Kementerian sendiri bertanggungjawab untuk mengumpul/memantau/menyediakan laporan bagi setiap *KPIs*.
 - **Achievable (boleh dicapai)** = Sasaran yang boleh dicapai oleh Kementerian/Jabatan dengan sumber dan kepakaran yang sedia ada.
 - **Relevant (yang berkaitan)** = Memberi tumpuan kepada perkhidmatan yang sepatutnya dilaksanakan/disampaikan sebagai agensi Kerajaan.
 - **Time-Bound (mempunyai tempoh masa)** = Dapat menyediakan maklumat yang boleh diukur dan bermanfaat dalam tempoh yang berpatutan – contohnya dalam tempoh 1 tahun bagi petunjuk *final output*/perkhidmatan kepada pengguna atau dalam tempoh 1 hingga 5 tahun bagi petunjuk *outcome*.
63. *KPIs* juga hendaklah konsisten *dengan KPIs* dalam Pelan Strategik Kementerian atau Jabatan berkenaan dan juga sejajar (*align*) dengan *KPIs* peringkat nasional di bawah Wawasan Brunei 2035. Kementerian/Jabatan disarankan untuk mengenalpasti dan memilih petunjuk yang terbaik.

Contoh Petunjuk Prestasi

64. Seperti yang dinyatakan di atas, terdapat dua jenis petunjuk prestasi utama yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk memantau kesan dan nilai Program-Program belanjawan.

64.1 Pengukur *Output*

Pengukur final output menunjukkan berapa banyak Aktiviti, perkhidmatan, atau pengeluaran yang dihasilkan melalui peruntukan-peruntukan yang telah disediakan. Pengukur ini bermanfaat untuk meningkatkan lagi akauntabiliti, kerana setiap Kementerian atau Jabatan diperlukan untuk memaklumkan

inisiatif yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan tahunan yang disediakan.

Contoh 1: **Petunjuk Output**

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
• Pengeluaran padi (<i>padi production</i>) • Saiz kawasan penanaman (<i>areas planted</i>)

Contoh 2: **Petunjuk Output (KPIs kewangan)**

Bahagian Pengurusan, Dasar dan Pentadbiran, Kementerian Pembangunan
• Perbezaan (<i>variance</i>) perbelanjaan daripada peruntukan yang disediakan • Stok tunggakan pembayaran daripada perbelanjaan sebenar (<i>stock of expenditure payment arrears as a percentage of actual total expenditure for the corresponding fiscal year</i>)

64.2 **Pengukur Outcome (atau Impak)**

Pengukur outcome menunjukkan kesan Program atau Aktiviti terhadap ekonomi atau masyarakat secara amnya atau kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Pengukur ini bermanfaat bagi menunjukkan samada dasar-dasar belanjawan telah digubal dengan sebaiknya dan juga menghasilkan faedah yang dihasratkan.

Contoh 1: **Petunjuk Outcome**

Kementerian Kesihatan
• Jangka hayat ketika lahir (<i>life-expectancy at birth</i>) • Kadar mortaliti bayi [1,000 kelahiran hidup] (<i>infant mortality per 1,000 live-births</i>) • Nisbah doktor-penduduk (<i>doctors per population</i>)

Contoh 2: **Petunjuk Outcome**

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
• Tahap Sara Diri Pengeluaran Pertanian (<i>agricultural product self-sufficiency rate</i>) • Keluaran Dalam Negeri Kasar Perusahaan Kecil dan Sederhana • Kedudukan dalam Global Competitiveness Report • Tahap biodiversiti hutan

Pengumpulan data KPIs

65. Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan disarankan untuk menyediakan **kombinasi** pengukur *final output*/perkhidmatan kepada pengguna dan *outcome* bagi setiap **Program**. Dari masa ke semasa, maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kombinasi tersebut akan membolehkan Kementerian/Jabatan untuk mengemukakan justifikasi, ataupun mengubahsuai Anggaran Perbelanjaan Kementerian/Jabatan masing-masing.

66. Di dalam jangka masa pendek, sekurang-kurangnya, pengukur tersebut membolehkan menteri-menteri, ketua-ketua Jabatan, pegawai dan kakitangan serta orang awam memahami dengan lebih jelas sasaran atau objektif yang hendak dicapai oleh Kementerian atau dasar berkenaan. Di dalam beberapa kes, pilihan petunjuk prestasi berkemungkinan telah ditetapkan, atau dicadangkan oleh, perjanjian antarabangsa, serantau atau dua hala yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam.
67. Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan diperlukan untuk mengenalpasti maklumat aras asas (*baseline*) yang jelas dan memastikan Kementerian/Jabatan mempunyai keupayaan yang cukup untuk memantau serta menyediakan laporan bersandarkan maklumat *baseline* ini.
